

***MALAKAH AL-FIKR* MENURUT PEMIKIRAN
IBN KHALDUN: KAJIAN TERHADAP AMALAN
KBAT GURU PENDIDIKAN ISLAM DALAM
PENGAJARAN DI SEKOLAH RENDAH**

MOHD AZOLMAN BIN ZULKUFLI

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2021

***MALAKAH AL-FIKR* MENURUT PEMIKIRAN
IBN KHALDUN: KAJIAN TERHADAP AMALAN
KBAT GURU PENDIDIKAN ISLAM DALAM
PENGAJARAN DI SEKOLAH RENDAH**

oleh

MOHD AZOLMAN BIN ZULKUFLI

**Tesis ini diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Februari 2021

PENGHARGAAN

Al-hamdulillah, segala puji dirafakkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan hidayah dan inayahNya, penyelidik dapat menyempurnakan tesis bertajuk “*Malakah al-Fikr* melalui amalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Guru Pendidikan Islam dalam pengajaran menurut Pemikiran Ibn Khaldun”.

Ucapan setinggi terima kasih ditujukan kepada Prof Madya Dr. Mohd Nizam Bin Sahad sebagai penyelia utama dan Dr. Muhammad Amir Bin Wan Harun sebagai penyelia kedua di atas tunjuk ajar serta bimbingan yang diberikan. Tanpa pandangan dan curahan buah fikiran kedua-dua penyelia, kemungkinan tesis ini tidak dapat disiapkan pada masa yang ditetapkan. Tidak dilupakan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Bahagian Tajaan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di atas tajaan pengajian dan cuti yang diperuntukkan untuk penyelidik meneroka dan menggali ilmu pengetahuan ke peringkat yang lebih tinggi serta mengembangkan profesion keguruan yang lebih berjaya.

Di samping itu, penghargaan yang besar ditujukan kepada Prof. Datuk Dr. Zaid Ahmad, Dr. Abdul Razak, Dr. Mohd Zaki bin Ismail dan Ustaz Rijaluddin Bin Yahya yang sedia membantu untuk meluangkan masa dan sering memberikan nasihat, pandangan serta komentar terhadap hasil kerja penyelidik. Kepada pakar rujuk instrumen iaitu Prof Madya Dr. Jasni Sulong, Prof Madya Dr. Nik Rusila Nik Yaakob, Prof Madya Dr. Zaharah Hussin dan Dr. Abdul Razak Othman dan pakar kandungan iaitu Prof Madya Dr. Suhailah Hussein, Dr. Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali, Dr. Idris Mansor, Dr. Saipol Barin Bin Ramli, Dr. Mohd Azhar Bahari, penyelidik merakamkan *jazakumullahu khairan kathira* dan mendoakan kalian terus berjaya dalam lapangan akademik dan diberkati di dunia dan akhirat.

Salam sayang buat isteri tercinta, Pn Najibah Binti Abdul Rashid yang telah bersabar, memberikan dorongan, semangat, dan mengingatkan penyelidik agar tidak leka dalam pengajian. Terima kasih kerana memahami penyelidik sebagai mahasiswa pascasiswazah. Kepada anak-anak tercinta iaitu Muhammad Asyraf Wajdi, Iman Nasuha, Muhammad Fawwaz Muqri dan Hanan Mursyida, penyelidik berharap semoga kejayaan ini menjadi pendorong untuk kalian lebih berjaya dan cemerlang di masa depan.

Teristimewa buat ayahanda tercinta Haji Zulkufli Bin Saleh dan bonda Pn. Hajjah Minah Binti Nasir yang mengasuh dan membesarkan penyelidik sehingga dewasa, tiada ucapan yang boleh menandingi jasa dan bakti kalian. Semoga ayahanda dan bonda sentiasa sihat sejahtera untuk terus beribadah kepada Allah SWT. Begitu juga tidak dilupakan penghargaan bonda mertua, Pn. Hajjah Jamaliah Binti Haji Said yang sentiasa memberi nasihat dan mendoakan kejayaan penyelidik.

Akhir sekali, penyelidik merakamkan *jazakumullahu khairan kathira* kepada semua staf kakitangan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan Universiti Sains Malaysia, rakan-rakan di Institut Pendidikan Guru Kampus Pulau Pinang, pihak Jabatan Negeri Pulau Pinang, semua Guru Cemerlang Pendidikan Islam dan semua guru Pendidikan Islam di Pulau Pinang yang terlibat secara langsung dan tidak langsung atas kerjasama yang diberikan dengan sepenuhnya selama penyelidik menyempurnakan kajian ini. Kerjasama dan jasa kalian amat besar ertinya kepada penyelidik.

Sekian, Wassalam
Mohd Azolman bin Zulkufli
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
SENARAI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI GAMBAR	xiii
SENARAI SINGKATAN	xv
SENARAI LAMPIRAN	xviii
PANDUAN TRANSLITERASI	xix
ABSTRAK	xx
ABSTRACT	xxi
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Permasalahan Kajian	6
1.3 Objektif Kajian.....	14
1.4 Soalan Kajian	15
1.5 Kepentingan Kajian.....	15
1.6 Pengertian Tajuk	18
1.6.1 <i>Malakah al-Fikr</i>	18
1.6.2 Amalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).....	21
1.6.3 Guru Pendidikan Islam.....	22
1.6.4 Pengajaran	22
1.6.5 Ibnu Khaldun.....	23
1.6.5(a) Justifikasi Pemilihan Ibn Khaldun.....	24
1.7 Ulasan Kajian Lepas	27

1.7.1	Kajian Kesediaan Pengetahuan, Kemahiran dan Amalan Pelaksanaan KB, KBKK dan KBAT dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam dan Guru Biasa	28
1.7.2	Kajian Kaedah Pengajaran dalam Pendidikan Islam.	35
1.7.3	Kajian Penggunaan Peta <i>i-think</i> dan Teknik Penyoalan dalam Penerapan KBAT	37
1.7.4	Kajian Pemikiran Ibnu Khaldun dalam Pendidikan, Pengajaran dan Pembelajaran	40
1.8	Batasan Kajian	50
1.9	Rumusan.....	52
BAB 2	KONSEP MALAKAH AL-FIKR MENURUT PEMIKIRAN IBNU KHALDUN DAN KONSEP KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT)	53
2.0	Pendahuluan	53
2.1	Definisi <i>al-Fikr</i>	53
2.1.1	Istilah <i>al-Fikr</i> dalam Al-Qur’ān	55
2.1.2	Istilah Lain yang Diertikan sebagai Berfikir dalam Al-Qur’ān	66
2.2	Konsep <i>al-Fikr</i> menurut Pemikiran Ibn Khaldun	86
2.3	Perkembangan Akal Manusia Menurut Ibnu Khaldun.....	97
2.4	Konsep <i>Malakah al-Fikr</i>	102
2.5	Konsep <i>Tadarruj/ Tadrij</i>	111
2.5.1	Tahap Penyajian Umum (<i>sabil al-ijmal</i>).....	112
2.5.2	Tahap Pengembangan (<i>sharh wa al-fahm</i>)	112
2.5.3	Tahap Rumusan (<i>al-fahm wa al-wa'yu</i>)	113
2.6	Kaedah Pengajaran menurut Pemikiran Ibn Khaldun	113
2.6.1	Kaedah Pengulangan (<i>Tikrar</i>)	116
2.6.2	Kaedah Amali (<i>Al-Tajrībah</i>)	120
2.6.3	Kaedah Imitasi (Taklid/Muhakah)	125
2.6.4	Kaedah Pandang Dengar (<i>Talqin</i>)	132
2.6.5	Kaedah Dialog (الحوار).....	135

2.7	Konsep Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)	140
2.7.1	Elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi	149
2.7.2	Alat Berfikir	154
2.7.3	Peta Pemikiran	158
2.7.4	Teknik Penyoalan	164
2.8	Kerangka Teori	167
2.8.1	Kerangka Konseptual Kajian	169
2.9	Rumusan	170
BAB 3	METODOLOGI	171
3.0	Pendahuluan	171
3.1	Metod Pengumpulan Data	171
3.1.1	Metod Kajian Kepustakaan	172
3.1.2	Metod Kajian Lapangan	172
3.2	Lokasi Kajian	175
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	176
3.3.1	Sampel Kajian Kualitatif	176
3.4	Instrumen Kajian	178
3.4.1	Pemerhatian	178
3.4.1(a)	Senarai Semak Pemerhatian	180
3.4.2	Temu Bual	183
3.4.2(a)	Temu bual separa berstruktur	187
3.4.2(b)	Soalan Temu bual	189
3.5	Analisis Dokumen	189
3.6	Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen	191
3.6.1	Jejak Audit	192
3.6.2	Penyemakan Peserta Kajian terhadap Data Temu Bual (<i>Member checking</i>)	193
3.6.3	Triangulasi	193

3.7	Kajian Rintis	194
3.8	Prosedur Pentadbiran Kajian Sebenar	195
3.9	Metod Analisis Data.....	198
3.10	Rumusan.....	202
BAB 4	ANALISIS DAPATAN DAN PERBINCANGAN.....	204
4.0	Pendahuluan	204
4.1	Butiran Informan.....	205
4.2	Kesediaan dan Pengetahuan GPI tentang KBAT dan pengembangan KBAT dalam Pengajaran Pendidikan Islam	210
4.2.1	Kesediaan dan Pengetahuan GPI tentang KBAT.....	210
4.2.2	Kesediaan dan Pengetahuan GPI dalam Perancangan dan Persediaan sebelum Menjalankan Pengembangan KBAT dalam Pengajaran Pendidikan Islam	215
4.2.2(a)	Tema Buku Rekod Mengajar.....	216
4.2.2(a)(i)	Sub tema: Rancangan Pengajaran Harian (RPH).....	217
4.2.2(a)(ii)	Analisis persamaan dan perbezaan dalam penulisan Rancangan Pengajaran Harian informan kajian.	230
4.2.2(b)	Permulaan Menjalankan Pengembangan KBAT dalam Pengajaran Pendidikan Islam.....	245
4.2.2(b)(i)	Set Induksi	245
4.2.2(c)	Pengembangan KBAT dalam Pengajaran Pendidikan Islam	254
4.2.2(d)	Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM)	254
4.2.2(e)	Teknik penyoalan	261
4.2.2(f)	Kaedah pengajaran	265
4.2.2(f)(i)	Soal jawab.....	266
4.2.2(f)(ii)	Kaedah Penerangan	269
4.2.2(f)(iii)	Latih tubi.....	272
4.2.2(g)	Perbincangan	275

4.2.2(h)	<i>Talaqqi Mushafahah</i>	276
4.2.2(i)	Penggunaan Alat berfikir.....	278
4.2.2(j)	Selepas GPI Menjalankan Pengembangan KBAT dalam Pengajaran.....	282
4.2.2(j)(i)	Penilaian/Pentaksiran.....	282
4.2.3	Kaedah GPI Sekolah Rendah Menjalankan Pengembangan <i>Malakah al-Fikr</i> dalam Pengajaran Pendidikan Islam menurut Pemikiran Ibnu Khaldun	294
4.2.3(a)	Kaedah Pengulangan (<i>Tikrar</i>) atau Latih Tubi.....	294
4.2.3(b)	Kaedah Pandang Dengar (<i>Talqin</i>)	297
4.2.3(c)	Kaedah Peniruan/Imitasi (<i>Muhakah /taqlid</i>)	300
4.2.3(d)	Kaedah Dialog (al-hiwar)	303
4.2.3(e)	Kaedah Amali (Tajribah).....	305
4.3	Pengembangan <i>Malakah al-Fikr</i> menurut pemikiran Ibnu Khaldun melalui amalan KBAT pengajaran GPI sekolah rendah	310
4.3.1	Perancangan dan persediaan sebelum pengembangan <i>Malakah al-Fikr</i> dalam Pengajaran Pendidikan Islam.....	310
4.3.2	Pengembangan <i>Malakah al-Fikr</i> semasa Pengajaran Pendidikan Islam.....	315
4.3.2(a)	Tahap Penyajian Umum (Sabil al ijmal)	315
4.3.2(b)	Tahap Pengembangan (Sharh wa al-fahm).....	318
4.3.2(c)	Tahap Rumusan (<i>Khulasah</i>).	329
4.4	Kesimpulan	341
BAB 5	KESIMPULAN DAN CADANGAN KAJIAN LANJUTAN	342
5.0	Pendahuluan	342
5.1	Kesimpulan	342
5.1.1	Kesimpulan Kajian Kediaan dan Pengetahuan GPI tentang KBAT dan pengembangan KBAT dalam Pengajaran Pendidikan Islam.....	342

5.1.2	Kesimpulan Kajian Kaedah Pengembangan <i>Malakah al-Fikr</i> GPI Sekolah Rendah dalam Pengajaran Pendidikan Islam menurut Pemikiran Ibnu Khaldun.....	343
5.1.3	Kesimpulan Kajian Pengembangan <i>Malakah al-Fikr</i> menurut pemikiran Ibnu Khaldun melalui amalan KBAT pengajaran GPI sekolah rendah	344
5.2	Implikasi Kajian	345
5.2.1	Implikasi Teoretikal	345
5.2.2	Implikasi Praktikal	346
5.2.3	Kementerian Pendidikan Malaysia(KPM)	346
5.2.4	Bahagian Pendidikan Islam(BPI).....	347
5.2.5	Bahagian Pendidikan Guru(BPG)/Institut Pendidikan Guru (IPG).....	348
5.2.6	Pengetua/Guru Besar.....	349
5.2.7	Guru Pendidikan Islam (GPI).....	349
5.3	Cadangan Kajian Lanjutan	350
5.4	Kesimpulan	352
	RUJUKAN	354
	LAMPIRAN	
	SENARAI PENERBITAN	

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 2.1	Kalimah <i>Al-Fikr</i> dan Kata Terbitan dalam Al- Qur'ān 59
Jadual 2.2	Taburan Istilah-Istilah “Berfikir” dalam Al-Qur'ān 83
Jadual 2.3	Ayat Al-Qur'ān yang Mengandungi Kalimah <i>al-Fu'ād</i> 91
Jadual 2.4	Klasifikasi Taksonomi <i>Malakah al-Fikr</i> 110
Jadual 2.5	Klasifikasi Taksonomi Bloom 141
Jadual 2.6	Taksonomi Kemahiran Berfikir 142
Jadual 3.3	Senarai Panel Pakar Kesahan Kandungan Pemikiran Ibnu Khaldun dan <i>Malakah al- Fikr</i> 108
Jadual 3.1	Latarbelakang subjek kajian 178
Jadual 3.2	Senarai Panel Pakar Kesahan Kandungan Instrumen Kajian 180
Jadual 3.3	Senarai Panel Pakar Kesahan Kandungan Pemikiran Ibnu Khaldun dan Taksonomi <i>Malakah al- Fikr</i> 182
Jadual 3.4	Senarai dokumen yang diperolehi dan disemak dalam kajian 190
Jadual 3.5	Aktiviti Pengumpulan Data 197
Jadual 3.6	Senarai Panel untuk pengesahan pakar bagi data kualitatif 202
Jadual 4.1	Latar belakang informan kajian 206
Jadual 4.2	Demografi informan kajian 206
Jadual 4.3	Kedudukan sekolah dan jenis sekolah 207
Jadual 4.4	Rancangan Pengajaran Harian Pemerhatian I (RPHP1GC1_27/09/2017) 219
Jadual 4.5	Rancangan Pengajaran Harian Pemerhatian II (RPHP2GC1_04/10/2017) 220
Jadual 4.6	Rancangan Pengajaran Harian pemerhatian III (RPHP3GC1_11/10/2017): 221
Jadual 4.7	Rancangan Pengajaran Harian Pemerhatian I (2(RPHP1GC2_02/11/2017)). 223

Jadual 4.8	Rancangan Pengajaran Harian Pemerhatian II (RPHP2GC2_07/11/2017)	224
Jadual 4.9	Rancangan Pengajaran Harian Pemerhatian III (RPHP3GC2_15/11/2017)	225
Jadual 4.10	Rancangan Pengajaran Harian Pemerhatian I (RPHP1GC3_2/10/2017).	226
Jadual 4.11	Rancangan Pengajaran Harian Pemerhatian II (RPHP2GC3_30/10/2017)	228
Jadual 4.12	Rancangan Pengajaran Harian Pemerhatian III (RPHP3GC3_6/11/2017)	229
Jadual 4.13	Persamaan dalam penyediaan RPH oleh ketiga-tiga informan kajian.	234
Jadual 4.14	Perbezaan dalam penyediaan RPH oleh ketiga-tiga informan kajian.	244
Jadual 4.15	Penggunaan BBM dalam Set Induksi	248
Jadual 4.16	Taburan KBAT dalam Set Induksi.....	254
Jadual 4.17	Taburan penggunaan BBM dalam pengembangan KBAT	261
Jadual 4.18	Taburan unsur KBAT yang diterapkan dalam pengajaran.....	265
Jadual 4.19	Taburan Penggunaan Kaedah Pengajaran oleh Ketiga-tiga Informan Kajian Semasa Pemerhatian Dijalankan.	281
Jadual 4.20	Taburan Pentaksiran/Penilaian Ketiga-tiga Informan Kajian ketika Pemerhatian Dijalankan.....	288
Jadual 4.21	Taburan Penerapan KBAT Ketiga-tiga Informan Kajian ketika Pemerhatian dijalankan.	291
Jadual 4.22	Jadual taburan penggunaan kaedah pengajaran menurut pemikiran Ibn Khaldun dalam pengajaran semasa pemerhatian dijalankan.	308
Jadual 4.23	Jadual Taburan <i>Malakah al-Fikr</i> dalam Penulisan RPH oleh Ketiga-tiga Informan Kajian	315
Jadual 4.24	Taburan <i>Malakah al-Fikr</i> oleh Ketiga-tiga Informan Kajian dalam Tahap Penyajian Umum	317
Jadual 4.25	Taburan <i>Malakah al-Fikr</i> oleh Ketiga-tiga Informan Kajian dalam Tahap Pengembangan (<i>Syarh Wal fahm</i>)	329
Jadual 4.26	Taburan <i>Malakah al-Fikr</i> oleh Ketiga-tiga Informan Kajian dalam tahap Rumusan (Khulasah).....	336

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1	Hierarki Taksonomi Bloom 143
Rajah 2.2	Perbezaan Taksonomi Bloom dan Taksonomi Anderson 145
Rajah 2.3	Peta Pemikiran dan Proses Berfikir..... 163
Rajah 2.4	Kerangka Konsep Pemikiran Ibnu Khaldun dalam Pengajaran..... 168
Rajah 2.5	Kerangka Konseptual Kajian <i>Malakah al-Fikr</i> melalui Amalan KBAT GPI menurut Pemikiran Ibnu Khaldun..... 169
Rajah 3.1	Kerangka Reka Bentuk Kajian..... 174
Rajah 5.1	Taksonomi <i>Malakah al-Fikr</i> 345

SENARAI GAMBAR

	Halaman
Gambar 4.1 Rancangan Pengajaran Harian Pemerhatian I (RPHP1GC1_27/09/2017)	218
Gambar 4.2 Rancangan Pengajaran Harian Pemerhatian II (RPHP2GC1_04/10/2017)	220
Gambar 4.3 Rancangan Pengajaran Harian pemerhatian III (RPHP3GC1_11/10/2017)	221
Gambar 4.4 Rancangan Pengajaran Harian Pemerhatian i(2(RPHP1GC2_02/11/2017)).....	222
Gambar 4.5 Rancangan Pengajaran Harian Pemerhatian II (RPHP2GC2_07/11/2017)	224
Gambar 4.6 Rancangan Pengajaran Harian Pemerhatian iii(RPHP3GC2_15/11/2017).....	225
Gambar 4.7 Rancangan Pengajaran Harian Pemerhatian i(RPHP1GC3_2/10/2017).....	226
Gambar 4.8 Rancangan Pengajaran Harian Pemerhatian II (RPHP2GC3_30/10/2017)	227
Gambar 4.9 Rancangan Pengajaran Harian Pemerhatian III (RPHP3GC3_6/11/2017)	228
Gambar 4.10 RPH Ketiga-tiga Informan yang Menunjukkan Kepelbagaian Kaedah Pengajaran.....	232
Gambar 4.11 Keratan RPH yang Menunjukkan Kepelbagaian Penggunaan BBM oleh Ketiga-tiga Informan Kajian.....	235
Gambar 4.12 Keratan RPH yang Menunjukkan Ustazah Syafina Merancang untuk Menerapkan KBAT.....	236
Gambar 4.13 Keratan RPH Ustaz Musa merancang untuk menerapkan unsur KBAT dalam pengajaran Pendidikan Islam.....	239
Gambar 4.14 Keratan RPH Ustaz Lokman yang menunjukkan beliau merancang untuk menerapkan KBAT	241
Gambar 4.15 Keratan RPH yang Menunjukkan Kepelbagaian Pentaksiran Sekolah	243

Gambar 4.16	BBM yang Digunakan oleh Ustazah Syafina Dalam Pengajaran.....	246
Gambar 4.17	Huruf Hijaiyyah yang dipaparkan.....	247
Gambar 4.18	Buku Teks sebagai Rujukan Utama Ustazah Syafina.....	256
Gambar 4.19	Bahan Bantu Mengajar yang Digunakan oleh Ustaz Musa.....	256
Gambar 4.20	Paparan Bahan di Skrin.....	258
Gambar 4.21	Tayangan Video oleh Ustaz Lokman.....	259
Gambar 4.22	Murid membenteng tugas di hadapan kelas.....	278
Gambar 4.23	Hasil tugas murid ditampal di papan hasil kerja murid.....	280
Gambar 4.24	Lembaran Kerja sebagai Rujukan Utama Ustazah Syafina	288
Gambar 4.25	Tugas Berdasarkan Buku Teks sebagai Rujukan Utama Ustazah Syafina.....	289
Gambar 4.26	Latihan dalam Buku Teks sebagai Rujukan Utama Ustazah Syafina	290
Gambar 4.27	Lembaran Kerja yang Disediakan oleh Ustaz Lokman	290
Gambar 4.28	Ustazah Syafina Menunjukkan Pemakaian Sarung Tangan kepada Murid	300
Gambar 4.29	Keratan RPH Menunjukkan Unsur <i>Malakah al-Fikr</i> yang Direkodkan oleh Ustazah Syafina	312
Gambar 4.30	Keratan RPH yang Menunjukkan Unsur <i>Malakah al-Fikr</i> Direkodkan oleh Ustaz Musa.....	313
Gambar 4.31	Keratan RPH Yang Menunjukkan Unsur <i>Malakah al-Fikr</i> Direkodkan oleh Ustaz Lokman	314

SENARAI SINGKATAN

A. S	<i>'alay-hi's-salām</i>
ABM	Alat Bantu Mengajar
AJK	Ahli jawatan kuasa
BBM	Bahan Bantu Mengajar
Bil	Bilangan
BPG	Bahagian Pendidikan Guru
BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
BPPDP	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
CCPPI	Calon Cemerlang Praktikum Pendidikan Islam
CPD	<i>Continuos Profesionalisme Development</i> (Pembangunan Profesional Berterusan)
cet.	Cetakan
&	Dan
Dr.	Doktor
Ed.	Editor
En.	Encik
et.al	Dan pengarang-pengarang lain
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
FPI	Faksafah Pendidikan Islam
GC	Guru Cemerlang
GCGPI	Guru Cemerlang Guru Pendidikan Islam
GPI	Guru Pendidikan Islam
h.	Halaman
Hj	Haji
HOTS	<i>Higher Order Thinking Skills</i>

Ibid	<i>Ibidem. In the same place</i> (rujukan yang sama dengan yang sebelumnya)
IPG	Institut Pendidikan Guru
IET	<i>Islamic Education Teacher</i>
Jil.	Jilid
KB	Kemahiran Berfikir
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KBKK	Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
M	Masihi
<i>op.cit</i>	Opera Citato: Pengarang dan tajuk buku sama dengan rujukan sebelumnya, tetapi muka suratnya berbeza dan diselangi dengan rujukan yang lain
PdPc	Pembelajaran dan pemudahcaraan
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
Peny.	Penyunting
Pn	Puan
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
Prof.	Profesor
R. A	<i>Raḍīya 'llāhu 'an-hu</i>
RPH	Rancangan Pengajaran Harian
S.A. W	<i>Ṣallāllāh 'alai-hi wa sallam</i>
S.W.T	<i>Subḥānahu Wa Ta'ālā</i>
TMK	Teknologi Maklumat Komunikasi
t. p	Tiada penerbit
t.t	Tiada Tarikh

t.t. p	Tiada tempat terbit
terj.	Terjemahan
UIA	Universiti Islam Antarabangsa
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
USM	Universiti Sains Malaysia

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A	Senarai Semak Pemerhatian
Lampiran B	Senarai Semak Pemerhatian <i>Malakah al-Fikr</i>
Lampiran C	Inventori Protokol Temu Bual
Lampiran D	Surat Kelulusan Menjalankan Kajian Dari Kementerian
Lampiran E	Surat Kelulusan Menjalankan Kajian Dari Jabatan Pendidikan Negeri
Lampiran F	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Terhadap Guru Cemerlang
Lampiran G	Surat Maklumat Guru Cemerlang di Pulau Pinang
Lampiran H	Pengesahan Rubrik <i>Malakah al-Fikr</i>
Lampiran I	Surat Kebenaran Peserta
Lampiran J	Senarai Semak Informan Kajian
Lampiran K	Pengakuan Dan Pengesahan Transkrip Temu Bual
Lampiran L	Contoh Transkrip Temu bual
Lampiran M	Contoh Transkrip Pemerhatian
Lampiran N	Contoh Pengesahan Data Kajian oleh Pakar

PANDUAN TRANSLITERASI

Dalam mengeja perkataan-perkataan Arab dalam ejaan rumi, transliterasi berikut digunakan:

1. Konsonan

Huruf Arab	Huruf Rumi	Huruf Arab	Huruf Rumi	Huruf Arab	Huruf Rumi
ا	-	ز	z	ق	q
ب	b	س	s	ك	k
ت	t	ش	sy	ل	l
ث	th	ص	ṣ	م	m
ج	j	ض	ḍ	ن	n
ح	h	ط	ṭ	و	w
خ	kh	ظ	ẓ	ه	h
د	d	ع	‘	ء	’
ذ	dh	غ	gh	ى	y
ر	r	ف	f	ة	h

2. Vokal

Pendek			Panjang			Diftong	
ا	—	a	ا	—	ā	اي	ay
ى	—	i	اي	—	ī	او	aw
و	—	u	او	—	ū	و	uw
						ي	iy/i

***MALAKAH AL-FIKR* MENURUT PEMIKIRAN IBN KHALDUN: KAJIAN
TERHADAP AMALAN KBAT GURU PENDIDIKAN ISLAM DALAM
PENGAJARAN DI SEKOLAH RENDAH**

ABSTRAK

Kajian terdahulu telah menunjukkan kejayaan pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam pengajaran Pendidikan Islam bergantung kepada kesediaan, pengetahuan dan kemahiran Guru Pendidikan Islam (GPI) untuk merancang dan menyediakan pengajaran berunsurkan KBAT. Oleh hal yang demikian, kajian ini bertujuan untuk meneliti pengintegrasian KBAT dalam pengajaran Pendidikan Islam oleh GPI di sekolah rendah dan meneroka pemikiran Ibn Khaldun dalam pengajaran. Seramai tiga orang guru GPI di tiga buah sekolah telah dipilih sebagai peserta kajian dengan menggunakan teknik persampelan bertujuan. Reka bentuk penyelidikan berbentuk kualitatif telah digunakan dalam kajian ini melalui tiga kaedah pengumpulan data iaitu kaedah pemerhatian, kaedah temu bual dan kaedah analisis dokumen. Analisis data kualitatif berdasarkan tema yang dibentuk oleh penyelidik. Dapatan kajian menunjukkan kesediaan dan pengetahuan GPI tentang KBAT menepati kehendak Kementerian Pendidikan Malaysia. Namun, dapatan kajian membuktikan bahawa terdapat perbezaan dalam kesediaan, pengetahuan dan kemahiran GPI tentang perancangan dan persediaan guru menjalankan KBAT dalam pengajaran Pendidikan Islam. Seterusnya, dapatan kajian menunjukkan kaedah pengajaran dan taksonomi *Malakah al-Fikr* berasaskan pemikiran Ibnu Khaldun ditemukan dalam pengajaran Pendidikan Islam. Kesimpulannya, taksonomi *Malakah al-Fikr* lebih sesuai dan lengkap untuk diterapkan dalam pengajaran Pendidikan Islam.

***MALAKAH AL-FIKR* BASED ON IBN KHALDUN'S THOUGHT: A
RESEARCH ON THE PRACTICE OF HIGHER ORDER THINKING
SKILLS PRACTICE BY ISLAMIC EDUCATION TEACHERS IN
TEACHING AT PRIMARY SCHOOL**

ABSTRACT

Studies have shown successful implementation of Higher Order Thinking Skills (HOTS) in Islamic Education is dependent on Islamic Education Teachers' (IETs) readiness, knowledge and skills to plan and prepare HOTS-based lessons. Thus, this study aims to examine the integration of HOTS in IET's teaching practices in primary schools and to explore Ibn Khaldun's thoughts embedded in the lessons. Three IETs from three schools were selected as study participants using purposeful sampling techniques. Qualitative research design has been utilised in this study through three data collection methods namely observation, interview and document analysis. Data obtained is analysed using the thematic analysis. The findings indicated that IETs' readiness and knowledge on HOTS fulfilled the requirements outlined by the Ministry of Education. Data procured however, revealed the differences between IET's readiness, knowledge and skills in planning and preparation of HOTS implementation in Islamic Education lessons. Findings further indicated that the teaching methods and taxonomy of *Malakah al-Fikr* based on Ibn Khaldun's thoughts is clearly prominent in IETs' practices. It is suggested that *Malakah al-Fikr* taxonomy is more appropriate and complete to be integrated in the Islamic Education lessons.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Berfikir adalah suatu perkara yang amat penting dalam kehidupan manusia. Manusia dikurniakan akal secara fitrah yang membolehkan manusia berfikir untuk mendapatkan maklumat dan membina ilmu pengetahuan¹. Keistimewaan inilah menyebabkan manusia dipertanggungjawabkan untuk memikul amanah Allah S.W.T sebagai khalifah di alam dunia². Malah Allah S.W.T menyebut di dalam al-Qur'an perkataan berfikir dengan pelbagai kalimah seperti *tāqīl ūn*, *tanzūrūn*, *tadabbarūn*, *tafakkarūn*, *ulūl albāb*, *tazakkarūn*³. Hal ini menunjukkan bahawa Islam sebuah agama fitrah yang bersumberkan wahyu agung sangat menggalakkan umatnya berfikiran aras tinggi⁴. Lebih-lebih lagi, ahli fikir akan diangkat darjatnya dan dimuliakan oleh Allah dengan gelaran *Ulūl albāb*⁵.

Sehubungan dengan itu, proses perkembangan dan penggunaan akal ini diterapkan dalam sistem pendidikan dan dijadikan asas utama selari dengan kehendak al-Qur'an dan as Sunnah. Bersesuaian dengan peredaran masa dan tuntutan keperluan pendidikan terkini, sistem pendidikan di Malaysia telah mengalami anjakan paradigma dengan penekanan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi⁶ (KBAT) sebagai agenda utama

¹ Sidek Baba. (2009). *Fikir dan Zikir*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.17

² Abdul Halim Tamuri, Kamarul Azmi Jasmi (2007). *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran & Pembelajaran*. Penerbit UTM Press, h.156

³ Ismail, M. (2014). Konsep Berpikir dalam Al-Qur'an dan Implikasinya Terhadap Pendidikan Akhlak. *Ta'dib*, 19(02), h.291-312.

⁴ Sidek Baba. (2016). *Al-Quran Sebagai Petunjuk*. Selangor: Karya Bestari. h.89

⁵ Abdul Halim Tamuri, Kamarul Azmi Jasmi (2007). *op.cit*, h.159

⁶ Kemahiran Berfikir Aras Tinggi selepas ini akan dirujuk sebagai KBAT

pendidikan⁷. Hal ini selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani dan Falsafah Pendidikan Islam⁸ (FPI) untuk membentuk peribadi insan yang beriman, bertakwa dan beramal soleh. Kementerian Pendidikan Malaysia⁹ (KPM) telah melakukan satu transformasi berperingkat dalam sistem pendidikan negara melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025¹⁰ (PPPM) yang menyenaraikan enam aspirasi murid agar dapat bersaing di peringkat global. Salah satu aspirasi tersebut memberi keutamaan kepada murid iaitu Kemahiran Berfikir¹¹(KB) sebagai tonggak untuk melahirkan masyarakat berfikir dan merupakan landasan kepada perubahan sosial bagi menghadapi cabaran gelombang perubahan global abad ke-21.

KB adalah satu kemahiran intelek yang melibatkan pembentukan konsep, analisis, aplikasi, sintaksis, dan menilai informasi yang terkumpul atau dihasilkan melalui pengamatan, pengalaman, refleksi, penaakulan atau komunikasi dalam kehidupan manusia¹². KB membolehkan individu untuk menghubungkan maklumat secara sistematik dan berkesan¹³. Maka KBAT pula ialah keupayaan untuk mengaplikasi pengetahuan, kemahiran, dan nilai dalam membuat penaakulan dan

⁷Kementerian Pendidikan Malaysia (2012). *Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 - 2025*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, h.36.

⁸ Falsafah Pendidikan Islam selepas ini akan dirujuk sebagai FPI.

⁹Kementerian Pendidikan Malaysia selepas ini akan dirujuk sebagai KPM.

¹⁰ Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia selepas ini akan dirujuk sebagai PPPM

¹¹Kemahiran Berfikir selepas ini akan dirujuk sebagai KB.

¹² Rajendran, N. (2016). *Teaching & Acquiring Higher-Order Thinking Skills Theory & Practice*.Perak: Penerbit UPSI.h.18

¹³ Tuan Jah Tuan Yusof. (2016). *Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)* Petaling Jaya: Sasbadi Sdn Bhd.h.27

refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu¹⁴

Menurut Anderson dan Krathwol, KBAT merupakan tiga tahap kemahiran berfikir teratas iaitu menganalisis, menilai dan mencipta dalam Model Taksonomi Bloom Semakan¹⁵. Manakala model KBAT Kementerian Pendidikan Malaysia pula, ia meliputi empat tahap kemahiran berfikir iaitu kemahiran mengaplikasi, kemahiran menganalisis, kemahiran menilai dan kemahiran mencipta. Perbezaan ini jelas menunjukkan bahawa pihak kementerian merangka model KBAT yang bersesuaian dengan tahap Pendidikan Malaysia untuk ditransformasikan seperti dalam PPPM 2013-2025 dan dijadikan satu aspirasi murid yang berkemahiran fikir¹⁶.

Seterusnya, pelaksanaan KBAT di peringkat sekolah telah menuntut guru-guru untuk merancang pelbagai aktiviti, soalan, dan tugas yang menggalakkan murid berfikir, mengasah murid berfikir secara berterusan dan menilai pemikiran mereka serta pemikiran individu lain¹⁷. Maksudnya, guru perlu kompeten, bersedia dan menerima dengan pembaharuan kurikulum yang telah digubal. Pelbagai kursus dan program yang telah dirancang dan dilaksanakan bagi memastikan guru menguasai KBAT yang merangkumi aspek pengetahuan dan kemahiran dalam pelaksanaan di semua peringkat sama ada peringkat sekolah, peringkat zon, peringkat daerah, dan peringkat kebangsaan.

¹⁴Bahagian Pembangunan Kurikulum (2015), *Elemen KBAT dalam Kurikulum*: Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.h.2

¹⁵ Schraw, G., & Robinson, D. H. (Eds.). (2011). *Assessment of higher order thinking skills*. America: Information Age Publishing.h.191.

¹⁶ Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013- 2025)*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.h.2-5

¹⁷ Zamri Mahamod & Nor Hasmaliza Hasan, (2016). Persepsi Guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(2), 78-90. h.78

Walaupun bagaimanapun, hasrat ini tidak akan tercapai sepenuhnya jika kesungguhan guru dalam pembelajaran dan pengajaran¹⁸ (PdP) bilik darjah tidak berubah. Kemampuan, keyakinan dan penguasaan guru dalam KBAT bagi melaksanakan sesuatu perubahan amat penting bagi merencanakan PdPc yang berkesan dalam bilik darjah. Sebagai GPI, penerapan KBAT seharusnya dibina berlandaskan pemikiran dan falsafah Islam sebagai rujukan. PdPc yang berpaksikan prinsip falsafah dan pemikiran Islam akan mendatangkan keyakinan yang utuh dalam kalangan pelajar dan selari dengan acuan FPI¹⁹.

Oleh itu, teori pemikiran Ibn Khaldun diselusuri dan diaplikasikan, di samping meninjau tahap penguasaan guru untuk mengaplikasi KBAT dalam PdP di dalam bilik darjah. Ibn Khaldun merupakan seorang tokoh yang hebat dan dikenali melalui karya penulisannya, *Muqaddimah*. Teori pemikiran beliau tidak jemu dikaji dan ditatapi oleh sarjana Islam mahupun sarjana barat sama ada dalam aspek ekonomi, sejarah, dan pendidikan. Maka, teori pemikiran Ibn Khaldun dalam pendidikan khususnya konsep perkembangan akal atau teori kognitif, teori *malakah*, dan teori *tadarruj* digarap dalam kajian ini.

Seterusnya, kurikulum dan guru memang tidak dapat dipisahkan. Guru merupakan peneraju utama dalam pelaksanaan kurikulum yang digubal²⁰. Guru merupakan pendukung utama dalam usaha melahirkan modal insan yang berkebolehan

¹⁸ Pembelajaran dan Pembelajaran selepas ini akan dirujuk PdP.

¹⁹ Mohd Syaubari Othman, Ahmad Amir Khan Ahmad & Ahmad Yunos Kassim. (2017) Konsep Malakah Ibnu Khaldun dalam Konteks Pengajaran yang Menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 12-26.

²⁰ Fadilah Razali, Nurahimah Mohd Yusoff & Rafisah Othman (2017). Kefahaman guru pada pelaksanaan kurikulum 2013 dalam membuat modul pembelajaran di SMKN 3 Kota Banda Aceh. *Proceedings of International Conference on the Scholarship of Teaching and Learning (ICSOTL 2017)*, 4 - 5 April 2017, UUM EDC Hotels & Resorts, Sintok, Kedah, Malaysia. h.16

dan berkemahiran fikir aras tinggi bagi membentuk Malaysia ke arah negara maju²¹ . Oleh yang demikian, guru perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran bagi mengejar pendidikan yang berdinamik agar kompeten dalam bidang yang diceburi untuk menghasilkan pengajaran dan penyampaian yang berkualiti. Jaafar@Mustafa et al. berpandangan bahawa guru Pendidikan Islam yang efektif ialah guru–guru yang mempunyai sifat–sifat seperti berikut²²:

- a) Mempunyai ilmu pengetahuan dan kaedah pengajaran dalam mata pelajaran yang diajarnya.
- b) Menguasai konsep amalan 5M (*mudarris, mu'addib, murabbī, mursyid, dan muallim*)
- c) Menguasai ilmu teknologi maklumat kerana penggunaannya memberi implikasi yang lebih afektif.

Rentetan dari itu, kementerian telah melipatgandakan usaha meningkatkan KBAT dalam pengajaran guru-guru agar impak aplikasi KBAT guru-guru dapat melahirkan modal insan yang mampu bersaing pada abad ke 21²³. Pada tahun 2015, beberapa inisiatif telah dilakukan untuk meningkatkan KBAT guru di sekolah seperti pendedahan Program i-Think yang melibatkan 138,120 orang guru iaitu 32.9% guru sekolah telah mengikut kursus tersebut²⁴. Guru-guru juga diberi sokongan dalam

²¹ Siti Khadijah Ab Razak (2013). Kesiediaan bakal guru dpli terhadap mata pelajaran reka cipta untuk mengajar di sekolah menengah: Kajian di UTHM Laporan projek sarjana Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.h.8

²² Mohd Musnizam Jaafar @ Mustapha Ab. Halim Tamuri Rohizan Ya. (2012). Konsep Berilmu di Kalangan Guru Pendidikan Islam Satu Keperluan dalam Membangunkan Modal Insani. (*Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam [SEAPPI2012]*) (*International Seminar on Teacher and Islamic Education [SEAPPI2012]*) di Le Grandeur Palm Resort, Senai, Johor Bahru on 8-9 March 2012, h.289-303.

²³ Kementerian Pendidikan Malaysia (2014). Laporan Tahunan 2013 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 - 2025. Putrajaya.h.52

²⁴Bahagian Pembangunan Kurikulum (2015), *Laporan Tahunan Bahagian Pembangunan Kurikulum 2015*. Diakses pada 19 Februari 2017 daripada <http://bpk.moe.gov.my/index.php/muat-turun-dokumen/terbitan-bpk/category/88-laporan-tahunan>, h.155

bentuk Pembangunan Profesionalisme Berterusan (CPD), Latihan dalam Perkhidmatan (LDP) dan bantuan daripada Pakar Penambahbaikan Sekolah (SISC+) untuk mengaplikasi KBAT dalam PdP²⁵. Dalam hal ini, kesungguhan, kesediaan dan tahap penerimaan guru terhadap keperluan perubahan dan kompetensi dalam PdPc harus diberi keutamaan dan dipandang serius agar kualiti pendidikan di Malaysia setanding dengan keperluan dunia pada masa akan datang.

1.2 Permasalahan Kajian

Seiring dengan sistem pendidikan negara kini yang memfokuskan KB, guru-guru pendidikan Islam dituntut untuk menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) di dalam dan di luar bilik darjah. Guru-guru pendidikan Islam bersama-sama guru-guru akademik bertanggungjawab untuk mengembangkan daya pemikiran pelajar untuk melahirkan modal insan yang mampu bersaing di peringkat global.

Pengintegrasian unsur KBAT dalam pengajaran pendidikan Islam masih dianggap baharu dalam kalangan guru, walaupun pelaksanaan KBAT merupakan kesinambungan daripada Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif²⁶ (KBKK) sejak tahun 1994. Pelbagai kajian ilmiah yang berfokus kepada KB, KBKK dan KBAT sama ada secara umum atau mengikut subjek tertentu telah dilaksanakan oleh pengkaji sebelum ini iaitu; Al Wadai²⁷; Gashan²⁸; Bakry, Md. Nor Bakar dan Firdaus²⁹; Halim³⁰;

²⁵ Kementerian Pendidikan (2015). Kemahiran berfikir aras tinggi(kbat) dan pelaksanaan KBAT di sekolah. *Buletin Anjakan Buletin Transformasi Pendidikan Malaysia*. Mac 2015.h 1-4

²⁶ Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif akan dirujuk sebagai KBKK selepas ini.

²⁷ Al Wadai, Mesfer (2014). Islamic Teachers' Perceptions of Improving Critical Thinking Skills in Saudi Arabian Elementary Schools, *Journal of Education and Learning*; Vol. 3, No. 4.

²⁸ Gashan, A. K. (2015). Exploring Saudi Pre-service teachers' Knowledge of critical thinking skills and their teaching perceptions. *International Journal of Education & Literacy Studies*, 3(1), 26.

²⁹ Bakry, Md. Nor Bakar & Firdaus. 2013. Kemahiran berpikir aras tinggi di kalangan guru Matematik sekolah menengah pertama di Kota Makasar. *2nd International Seminar on quality and Affordable Education (ISQAE 2013)*.

³⁰ Halim Arifin (2013). *Kemahiran Berfikir dalam Pengajaran Pemahaman Bacaan*. (Tesis Doktor Falsafah). tidak diterbitkan.Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Fazlulaini Mohd Yunus, Kamarul Azmi Jasmi, Md Zuki Hashim dan Ruhayati Ramly³¹; Nurhawa Hanis Abdullah dan Ghazali Darusalam³²; Farah Aziana Abdul Azizi dan Fadzilah Abd Rahman³³ Nor Fariza Mohd Radzi dan Nur Fadhilah Muzammil³⁴; Noor Hasimah Hasan dan Effandi Zakaria³⁵; Mohd Nazri Hassan, Ramlee Mustapha, Nik Azmah Nik Yusuff, dan Rosnidar Mansor³⁶; Hasnah Isnon dan Jamaludin Badusah³⁷. Manakala kajian dalam Pendidikan Islam baru berkembang dan belum mencukupi seperti kajian yang dilakukan oleh Mohd Syaubari Othman³⁸; Mohd Aderi Che Noh , Mohd Talhah Ajmain, dan Engku Zarihan Engku Abdul Rahman³⁹ dan Wan Amirah, Wan Ismail, Maimun Aqsha Lubis & Muhammad Isa⁴⁰ .

³¹ Fazlulaini Mohd Yunus, Kamarul Azmi Jasmi, Md Zuki Hashim, & Ruhayati Ramly (2018). Kelemahan Amalan Menerapkan Kemahiran Berfikir Semasa Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Kalangan Calon Cemerlang Praktikum Pendidikan Islam di Kampus Sultan Abdul Halim. *International Journal of Religion Research in Education*, 1(1). IJRRE, Volume 1, Number 1, 2017, h.2 -13

³²Nur Hawa Hanis Abdullah & Ghazali Darusalam. (2018). Kesiediaan Guru Melaksanakan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pengajaran. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 6(3)

³³ Farah Aziana Abdul Aziz & Fadzilah Abd Rahman.(2018), Sorotan Kajian Kesiediaan Dan Keperluan Guru Bahasa Melayu Dalam Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Di Bilik Darjah. *Pendeta: Jurnal Bahasa, Pendidikan dan Sastera Melayu*, 9, h.80.

³⁴ Norfariza Mohd Radzi & Nur Fadhilah Muzammil. (2018). Tahap Kompetensi Guru Dalam Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Di Sekolah Kebangsaan Daerah Sepang, Selangor. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 6(4), h. 12-28.

³⁵Noor Hasimah Hasan & Effandi Zakaria. (2017). Kesiediaan Guru Matematik Dalam Melaksanakan Pengajaran Dan Pembelajaran Kbat. *National Pre-University Seminar 2017 (Npreus2017)*. Rhr Hotel, 23 Ogos 2017.h.14-23

³⁶ Mohd Nazri Hassan, Ramlee Mustapha, Nik Azmah Nik Yusuff & Rosnidar Mansor. (2017). Development of Higher Order Thinking Skills Module in Science Primary School: Needs Analysis. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(2), 624-628.

³⁷ Hasnah Isnon & Jamaludin Badusah.(2017).Kompetensi Guru Bahasa Melayu Dalam Menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran).*Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*,7(1),56-65.

³⁸ Mohd Syaubari Othman & Ahmad Yunus Kassim. (2016). Keberkesanan Permulaan Pengajaran Menerusi Amalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (Kbat) Dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam Sekolah Rendah Negeri Perak. *Wacana Pendidikan Islam Siri ke 11*.h.917-930

³⁹ Mohd Aderi Che Noh , Mohd Talhah Ajmain , & Engku Zarihan Engku Abdul Rahman (2017). Teachers' Practice of Higher Order Thinking Skills in the Lesson of Islamic Education. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*. Volume 3(2), h. 1-13

⁴⁰ Wan Amirah, Wan Ismail, Maimun Aqsha Lubis & Muhammad Isa. (2016). Kesiediaan guru pendidikan Islam sekolah rendah di Selangor terhadap penerapan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran. *Journal of Advanced Research in Applied Sciences and Engineering Technology*, Vol.3, No.1: 87

Namun, keadaan yang berlaku di sekolah pula sebagaimana yang dilakukan oleh pelbagai kajian yang berterusan menunjukkan bahawa tahap pelaksanaan guru Pendidikan Islam dalam pengajaran berorientasikan KBAT masih boleh dipersoalkan⁴¹. Kelemahan mereka bukan sahaja dalam aspek kesediaan, pengetahuan, kefahaman, amalan dalam pengajaran berorientasikan kemahiran berfikir, bahkan kaedah pengajaran dalam Pendidikan Islam termasuk teknik penyolaan, penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) seperti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam pendidikan, kurikulum yang padat dan isu kekangan masa.

Aspek yang menjadi tunjang pelaksanaan KBAT dalam Pendidikan Islam ialah kesediaan guru Pendidikan dalam memperkembangkan kemahiran berfikir. Menurut Farah Aziana Abdul Aziz dan Fadzilah Rahman⁴², kesediaan merupakan elemen penting perlu ada pada setiap guru. Ketiadaan faktor kesediaan dalam kalangan guru akan menyebabkan integrasi KBAT tidak ditekankan semasa pengajaran walaupun guru tersebut mempunyai kesedaran tentang KBAT. Kajian Abdul Rahman⁴³ membuktikan guru pendidikan Islam tidak bersedia untuk mengaplikasikan kemahiran berfikir dalam pengajaran adalah berpunca daripada faktor kurang pengetahuan tentang KBKK dan kurang pendedahan ketika mereka berada di maktab perguruan atau di universiti. Malah pengetahuan sedia ada guru KBKK masih berada tahap umum

⁴¹Norasmahani Hj Nor, Nur Sofiah Suhaimi, Nur Syamira Abdul Wahab, Mohd Khushairi Che Ismail Mohd Aderi Che Noh & Khadijah Abdul Razak (2016) Pelaksanaan KBAT dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Sekolah Menengah: Satu Tinjauan di Putrajaya. In *Proceeding 7th International Seminar on Regional Education*. Vol. 1, h. 361-375.

⁴² Farah Aziana Abdul Aziz & Fadzilah Abd Rahman. (2018). Sorotan Kajian Kesediaan Dan Keperluan Guru Bahasa Melayu Dalam Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Di Bilik Darjah.h.94

⁴³ Abdul Rahman Siraj (2004). *Kemahiran berfikir kritis dan kreatif dalam pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam di sekolah menengah dalam daerah Muar Johor*, Latihan Ilmiah sarjana Muda Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.

bukannya terperinci⁴⁴. Kajian Norfariza Mohd Radzi dan Nur Fadhilah Muzammil menunjukkan tahap kompetensi guru dalam pelaksanaan KBAT di sekolah adalah pada tahap sederhana⁴⁵, walaupun KBKK telah diperkenalkan semenjak tahun 1994 dalam sistem pendidikan negara⁴⁶. Tinjauan awal penyelidik mendapati 57% guru pendidikan Islam di Pulau Pinang kurang bersedia dalam melaksanakan pengajaran berunsurkan KBAT⁴⁷.

Selain daripada kurang kesediaan guru dalam melaksanakan pengajaran berunsurkan KBAT, ilmu pengetahuan dan kemahiran guru pendidikan Islam dalam pengajaran KBAT masih belum dikuasai. Sebagai contoh tinjauan awal penyelidik melalui temu bual guru terhadap pengetahuan, kefahaman dan kemahiran guru Pendidikan Islam sekolah rendah tentang KBAT di Pulau Pinang mendapati bahawa masih terdapat guru Pendidikan Islam sekolah rendah yang hanya menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran KBAT pada tahap sederhana⁴⁸. Dapatan kajian Upiq & Ragu⁴⁹ dan Laporan Bahagian Pembangunan Kurikulum 2015⁵⁰ mendapati bahawa guru mengetahui konsep KBAT tetapi kurang yakin untuk mengaplikasikannya ke dalam proses pengajaran mereka.

⁴⁴ Sharifah Nor Puteh, Nor Adibah Ghazali, Mohd Mahzan Tamyis, & Aliza Ali. (2012). Keprihatinan guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif. *Journal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(2), 19-31. h. 29

⁴⁵ Norfariza Mohd Radzi & Nur Fadhilah Muzammil (2018). *op. cit.* h.12

⁴⁶ Nor Azza Ibrahim (2013). Menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) atau Higher Order Thinking Skills (HOTS) dalam Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam di Malaysia. (Kertas kerja Seminar Pemerkasaan Pengajaran Agama Islam di Malaysia: Menilai Cabaran Semasa Guru Pendidikan Islam. Anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia). Kuala Lumpur, 24-25 September.

⁴⁷ Mohd Azolman Zulkufli & Mohd Nizam Sahad (2016). Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pendidikan Islam: Isu dan Cabaran. *Proceeding: International on Humanities (ICH2016)*, Disember 23-24, 2016. Pulau Pinang.

⁴⁸ *Ibid.*

⁴⁹ Upiq Asmar Zainal Abidin & Ragu Ramasamy. (2015). Persepsi Guru Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Di Sebuah Sekolah. *International ASEAN Comparative Education Research Network Conference*. Kajang, Malaysia. h.1.

⁵⁰ Bahagian Pembangunan Kurikulum (2015). *Laporan Tahunan Bahagian Pembangunan Kurikulum 2015. op.cit.* h.155

Begitu juga kajian yang telah dilakukan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum⁵¹ yang menunjukkan guru mengetahui tentang KBAT melalui media massa, latihan dan kursus tetapi kurang memahami cara untuk melaksanakan KBAT dalam pengajaran. Kekurangan ilmu pengetahuan tentang KBAT dalam kalangan guru akan menyebabkan impak yang kurang baik terhadap kemampuan guru untuk mentaksir dan menguji KBAT murid dalam kelas⁵². Maka, kelemahan pengajaran guru berorientasikan KBAT ini juga akan merencatkan keupayaan murid dalam membentuk profil murid berkemahiran fikir aras tinggi yang direncanakan dalam PPPM 2013-2025⁵³.

Seterusnya, terdapat laporan pemeriksaan penarafan amalan terbaik KBAT oleh pihak Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti yang dibentangkan oleh Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk P. Kamalanathan dalam sidang parlimen menunjukkan bahawa 60% daripada 282 buah sekolah rendah dan menengah menghadapi masalah pelaksanaan KBAT dan berada pada tahap baik dan cemerlang⁵⁴. Malah, hasil laporan tersebut mendapati bahawa punca masalah pelaksanaan KBAT di sekolah-sekolah tersebut adalah disebabkan oleh sikap penerimaan dan pemahaman guru-guru tentang KBAT dalam pengajaran⁵⁵.

Terdapat kajian lain yang menunjukkan guru masih menggunakan kaedah tradisional yang berpusatkan guru berbanding murid dengan penggunaan kaedah kuliah sebagai aktiviti rutin dalam kelas. Kaedah kuliah kurang menarik minat

⁵¹ *Ibid.*

⁵² Siti Hajar Haili & Tan Shin Yen (2015). Effective teaching of higher-order thinking (HOT) in education. *The Online Journal of Distance Education and E-Learning*, 3(2), 41-47. h.43

⁵³ *Ibid.*

⁵⁴ Harits Asyraf Hasnan, (2017), Kelemahan guru punca 60 peratus sekolah hadapi masalah KBAT, Astro Awani, 8 November 2017. dimuat turun pada 10 November 2017.

⁵⁵ *Ibid.*

tumpuan murid dalam aktiviti PdP dalam kelas. Kajian Kamarul Azmi⁵⁶ membuktikan bahawa 64% guru pendidikan Islam sering menggunakan kaedah kuliah semasa pembelajaran dan pengajaran Pendidikan Islam dan kurang mempelbagaikan kaedah pengajaran yang mampu meningkatkan daya berfikir pelajar secara kreatif. Kajian Abdul Halim Tamuri et.al⁵⁷ mendapati bahawa kaedah kuliah dan penerangan menjadi pilihan guru Pendidikan Islam.

Kajian lain oleh Zamri Mahamod dan Nor Razah Lim⁵⁸, Sukiman⁵⁹, dan Nooriza dan Effendi Kassim⁶⁰ pula mendapati bahawa guru kurang mengamalkan teknik penyoalan aras tinggi merupakan isu sering diperkatakan dalam pelaksanaan KBAT. Kajian mereka mendapati guru lebih suka menumpukan soalan beraras rendah, sederhana dan lebih banyak menggunakan kaedah penyampaian maklumat serta berpusatkan guru. Kajian Bahagian Pembangunan Kurikulum⁶¹ turut membuktikan bahawa guru berkecenderungan untuk mengolah soalan aras tinggi menjadi soalan aras rendah.

⁵⁶ Kamarul Azmi Jasmi (2011). "Pendidikan Islam: Cabaran di Alaf Baru" dalam Seminar Pendidikan Islam di Madrasah Idrisiah, Kuala Kangsar pada 30 Oktober 2011.h.7

⁵⁷ Abdul Halim Tamuri, Adnan Yusopp, Kamisah Othman, Shahrin Awaluddin, Zamri Abdul Rahim & Khadijah Abdul Razak. (2004). "*Keberkesanan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Ke Atas Pembangunan Diri Pelajar*": Laporan Penyelidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia.h.149.

⁵⁸ Zamri Mahamod & Nor Razah Lim. (2011). Kepelbagaian kaedah penyoalan Lisan dalam pengajaran guru Bahasa Melayu: Kaedah pemerhatian. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1 (1), 51-65. ISSN: 2180-4842. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.h.51

⁵⁹ Sukiman Saad, Noor Shah Saad & Mohd Uzi Dollah. (2012). Pengajaran kemahiran berfikir: persepsi dan amalan guru matematik semasa pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia*, Vol.2 No.1, hlm. 18-36. h.28

⁶⁰ Nooriza Kassim & Effandi Zakaria (2015). Integrasi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Matematik: Analisis Keperluan Guru (Integration of Higher Order Thinking Skills in the Teaching and Learning of Mathematics: Teachers' Needs Analysis). *Jurnal Pendidikan Matematik*, 3(1), 1-12.

⁶¹ Bahagian Pembangunan Kurikulum (2015), *Laporan Tahunan Bahagian Pembangunan Kurikulum 2015*. Diakses pada 19 Februari 2017 daripada <http://bpk.moe.gov.my/index.php/muat-turun-dokumen/terbitan-bpk/category/88-laporan-tahunan> *op.cit*

Selain itu, Tajul Arifin⁶² menghubungkan isi kandungan kurikulum yang padat dan kekangan masa untuk melaksanakan pengajaran berasaskan KBAT menjadi punca sebahagian guru tidak menggarap dan mengamalkan konsep kemahiran berfikir untuk disampaikan kepada murid. Penerapan KBAT memerlukan masa yang panjang untuk guru merancang dan melaksanakan dalam kelas yang melibatkan murid-murid secara aktif⁶³. Sementara kajian Noraini⁶⁴ pula menunjukkan bahawa kekangan masa dan isi kandungan kurikulum Pendidikan Islam yang padat boleh menghalang usaha penambahbaikan pengajaran Pendidikan Islam. Akibatnya, amalan pengajaran guru Pendidikan Islam hanya berfokuskan kepada aktiviti bagi menghabiskan silibus pelajaran untuk peperiksaan semata-mata yang menyebabkan kurang penerapan kemahiran berfikir dalam pengajarannya⁶⁵.

Dapatan kajian lain pula mendapati Guru Pendidikan Islam (GPI) masih kurang menggunakan Bahan Bantu Mengajar seperti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam sebagai penjana KBAT. Dapatan dibuktikan daripada beberapa kajian oleh pengkaji sebelum ini seperti Rosnaini dan Mohd Arif⁶⁶; Maimun Aqsha Lubis, Melor Md Yunus, Abdullah Awang Lampoh, dan Noriah Mohd Ishak⁶⁷; dan Mohd Faez Ilias, Muhammad Faiz, Ismail, dan Kamarul Azmi Jasmi⁶⁸. Semua kajian membuktikan

⁶² Tajul Ariffin Nordin (2010). *Pendidik Bina kebenaran Universal*. Pendidik, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 55-57

⁶³ Siti Hajar Haili & Tan Shin Yen (2015). *Ibid.*

⁶⁴ Noraini Omar, Mohd Aderi Che Noh & Mohd Isa Hamzah (2017). Kepelbagaian elemen budaya dalam pengajaran pendidikan Islam: Isu dan kepentingan. *O-JIE: Online Journal of Islamic Education*, 3, 1-11. h.7

⁶⁵ Tajul Ariffin Nordin (2010). *Ibid.*

⁶⁶ Rosnaini Mahmud. & Mohd Arif Ismail, (2010). Impact of training and experience in using ICT on in-service teachers' basic ICT literacy. *Malaysian Journal of Educational Technology*, 10(2), 5-10. h.5

⁶⁷ Maimun Aqsha Lubis, Melor Md Yunus, Abdullah Awang Lampoh, Noriah Mohd Ishak (2011). The use of ICT in teaching Islamic subjects in Brunei Darussalam. *International Journal of Education and Information Technologies*, 5(1), 79-87. h.79

⁶⁸ Mohd Faez Ilias, Muhammad Faiz, Ismail, dan Kamarul Azmi Jasmi (2013). Faktor Dorongan dan Halangan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar oleh Guru Pendidikan Islam di Sekolah Bestari

bahawa tahap penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam kalangan guru Pendidikan Islam masih pada tahap sederhana. Malah ada dalam kalangan guru yang dikaji masih belum mengintegrasikan TMK dalam pengajaran mereka. Faktor pengetahuan dan kemahiran Guru Pendidikan Islam serta kekurangan peralatan dan capaian BBM di sekolah merupakan punca kekurangan BBM dalam kalangan GPI⁶⁹.

Di samping itu, terdapat kajian menolak kesesuaian Taksonomi Bloom dan Taksonomi Bloom Semakan dalam pendidikan dengan pelbagai hujah yang membuktikan kelemahan taksonomi tersebut. Antara kajian tersebut ialah kajian Nursyahirah et al. serta kajian Norhazizi Lebai Long dan Ramlee Mustapha mengkritik Taksonomi Bloom dan Taksonomi Bloom Semakan. Nursyahirah et al. telah merumuskan tiga kelemahan iaitu susunan hierarki, pengelasan struktur, kegunaan Taksonomi Bloom⁷⁰. Norhazizi Lebai Long dan Ramlee Mustapha turut merungkaikan kelemahan Taksonomi Bloom dalam domain afektif dan domain psikomotor⁷¹ untuk menilai bidang vokasional.

Permasalahan yang diuraikan di atas membuktikan keperluan yang mendesak untuk mengkaji tentang pengajaran guru Pendidikan Islam berunsurkan KB. Maka kajian yang bakal dilaksanakan ini akan memfokuskan kepada amalan KBAT dan *Malakah al-Fikr* menurut pemikiran Ibnu Khaldun oleh GPI sekolah rendah dalam pengajaran. Pemilihan Ibnu Khaldun adalah berdasarkan hasil analisis dan inferens

(Motivation Factors and Obstacles use of teaching aids by the Islamic Education Teacher in Smart School) in 3rd. *International Conference on Islamic Education 2013 [ICIED2013]*. Kajang, Selangor, Malaysia on 6 - 7 April 2013, 943- 953.h.950

⁶⁹ *Ibid*

⁷⁰ Nursyahirah Wahidah Masrom, Mahyuddin Hashim, Noorhayati Hashim & Fariza Puteh Behak. (2018). Kedudukan Taksonomi Bloom Menurut Perspektif Islam. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Need* 1(1): 18-26.

⁷¹ Norhazizi Lebai Long & Ramlee Mustapha (2015). Analisis Taksonomi Bloom Dalam Penilaian Vokasional: Cadangan Satu Taksonomi Baru. *Proceeding "6th Pedagogy International Seminar 2015*.jil 2.h.777

teks karyanya *Muqaddimah* dalam bab 6 yang membahaskan tentang teori kognitif iaitu pengembangan akal fikiran manusia dan teori belajar dalam beberapa aspek menyamai teori moden dan sesuai dengan kajian dalam pendidikan⁷². Menurut Ibnu Khaldun⁷³, akal manusia berkembang mengikut empat tingkatan iaitu *Al-‘Aql al -Tamyzī* (Akal Pembeza), *Al- ‘Aql al-Tajrībiy* (Akal Pengalaman), *Al- ‘Aql al-Nazariy* (Akal Spekulatif), dan *Al- ‘Aql al-Mazīd* (Akal Tambahan)⁷⁴. Manakala teori belajar yang diperkenalkan oleh Ibn Khaldun ialah konsep *Malakah* dan konsep *Tadarruj*⁷⁵.

Penerokaan terhadap *Malakah al-Fikr* menurut pemikiran Ibn Khaldun yang dipraktikkan oleh Guru Pendidikan Islam merupakan satu sumbangan yang baru kepada penyelidikan. Di samping itu, pihak sekolah dan KPM dapat mencari jalan terbaik bagi melahirkan guru yang bertanggungjawab dan komited serta dapat membantu dalam mempertingkatkan mutu profesion perguruan dan mutu pengajaran guru Pendidikan Islam, khususnya Kemahiran Berfikir.

1.3 Objektif Kajian

Berdasarkan permasalahan yang dibincangkan di atas, kajian ini berobjektif untuk:

1. Mengkaji konsep *Malakah al-Fikr* menurut pemikiran Ibnu Khaldun dan konsep Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).
2. Meneroka kesediaan dan pengetahuan Guru Pendidikan Islam tentang KBAT dan pengembangan KBAT dalam pengajaran Pendidikan Islam.

⁷² Shahrul Riza (2008), *op.cit.* h.139

⁷³ Ibnu Khaldun (2006). *Mukadimah Ibnu Khaldun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.h.525.

⁷⁴ Noorshakirah Mat. Akhir. (2012). ‘Aql and Noble Character: A Review from A Scholarly Perspective. *The Social Sciences*, 7(5), h.721.

⁷⁵ Warul Walidin AK. (2003). *Konstelasi Pemikiran Pedagogik Ibn Khaldun Perspektif Pendidikan Modern*, Yogyakarta: Yayasan Nadiya(Nadiya Foundation).h.108

3. Menganalisis kaedah pengembangan *Malakah al-Fikr* menurut pemikiran Ibnu Khaldun GPI sekolah rendah dalam pengajaran Pendidikan Islam.
4. Mengkaji pengembangan *Malakah al-Fikr* menurut pemikiran Ibnu Khaldun melalui amalan KBAT pengajaran GPI sekolah.

1.4 Soalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian di atas, adalah diharapkan kajian ini dapat menjawab persoalan seperti yang berikut:

1. Apakah *Malakah al-Fikr* menurut Pemikiran Ibnu Khaldun dan konsep Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)?
2. Apakah kesediaan dan pengetahuan Guru Pendidikan Islam tentang KBAT dan pengembangan KBAT dalam pengajaran Pendidikan Islam.?
3. Apakah kaedah GPI sekolah rendah menjalankan pengembangan *Malakah al-Fikr* menurut Pemikiran Ibnu Khaldun dalam pengajaran Pendidikan Islam?
4. Bagaimanakah pengembangan *Malakah al-Fikr* menurut pemikiran Ibnu Khaldun melalui amalan amalan KBAT pengajaran GPI sekolah dalam Pendidikan Islam.?

1.5 Kepentingan Kajian

Setiap kajian yang dilaksanakan sudah tentu mempunyai kepentingannya tersendiri. Dapatan yang diperolehi dapat dimanfaatkan oleh pihak-pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam pelaksanaan KBAT dalam PdP Pendidikan Islam. Antaranya:

1. Kajian ini mengemukakan keperluan amalan pengajaran guru Pendidikan Islam dalam melaksanakan Kemahiran Berfikir melalui konsep *tadarruj*. Kajian konsep *tadarruj* ini adalah berdasarkan analisis yang dilakukan pada kitab *Muqaddimah*. Ia merupakan satu usaha dalam mengadaptasikan pemikiran Ibnu Khaldun secara khusus bagi mengintegrasikan *Malakah al-Fikr* dalam pengajaran Pendidikan Islam. Kajian dan analisis karya sarjana yang berwibawa ini dikira penting bagi menyambung kembali dengan tradisinya yang asal dalam pengkajian Islam.
2. Tradisi dan pentafsiran terhadap ilmu-ilmu Islam pada masa lampau menjadi kebanggaan keilmuan kritis dan kreatif yang mampu melahirkan manusia yang hebat, namun tradisi seumpama itu dilihat semakin luntur. Sesuai dengan ini, kajian ini ingin membuktikan bahawa karya *Muqaddimah* sebagai sebuah karya agung Islam perlu dijadikan rujukan Guru Pendidikan Islam (GPI) bagi pengintegrasian *Malakah al-Fikr* dalam pengajaran Pendidikan Islam. Hal ini kerana, selama ini karya *Muqaddimah* hanya dimanfaatkan sebagai karya sejarah tamadun dan ekonomi tetapi kurang dimanfaatkan dalam bidang-bidang lain seperti bidang pendidikan ini.
3. Ibnu Khaldun (1332M-1406M) seorang tokoh sejarawan yang berwibawa dalam bidangnya. Kajian ini dapat menjadi tambahan terhadap pemikirannya yang selama ini masih kurang usaha menyerapkan pemikirannya secara khusus dalam bidang pendidikan Islam. Kajian ini dikira penting kerana mengandungi huraian dan

analisis serta perbandingan yang sistematik dan mendalam tentang idea-idea Ibnu Khaldun khusus untuk pemikiran aras tinggi. Contohnya dalam kajian ini, Guru Pendidikan Islam (GPI) boleh mengaplikasikan dapatan analisis pengajaran guru berasaskan pemikiran Ibnu Khaldun yang dihasilkan dalam membentuk dan merancang proses pengajaran Pendidikan Islam berunsurkan *Malakah al-Fikr* secara khususnya di sekolah serta perkara-perkara lain yang dikira berkaitan dengannya.

4. Melengkapkan kajian terhadap kepentingan pengajaran guru dan juga kajian-kajian berkenaan pembentukan kemahiran berfikir aras tinggi murid, khususnya dalam sistem pendidikan semasa.
5. Kajian ini dapat memberi manfaat kepada profesion keguruan secara khususnya penambahbaikan kepada bidang perguruan pendidikan Islam melalui penyediaan profil pengajaran GPI dalam merealisasikan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Kajian ini diharap menjadi rujukan para pengamal dan pengkaji pendidikan islam untuk memahami konsep pengajaran Kemahiran Berfikir GPI berasaskan pemikiran islam sebagai pendidik dari PdPc secara khusus. Kajian seumpama ini sememangnya harus didedahkan di institut-institut perguruan dan universiti-universiti yang menawarkan program latihan perguruan supaya bakal-bakal guru dapat menghayati pengajaran guru berasaskan pemikiran Ibnu Khaldun dalam memenuhi misi Falsafah Pendidikan secara umum dan GPI terhadap Falsafah Pendidikan Islam secara khususnya.

6. Ia mengemukakan gaya pendidikan ‘ulama’ bersumberkan *turāth* yang perlu diambil perhatian oleh Guru Pendidikan Islam (GPI) dalam penambahbaikan profesion mereka. Walaupun secara langsung ia mungkin sepenuhnya tidak dapat dipraktikkan dalam sesi PdP, namun ia sedikit sebanyak mampu membantu GPI yang berkait dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang membentuk pemikiran aras tinggi modal insan yang mulia secara lebih holistik.

Secara tidak langsung, diharapkan hasil kajian ini mampu untuk menilai kekuatan dan kekurangan amalan pengajaran guru dan pembelajaran murid dalam sistem masing-masing melalui peranan yang dimainkan oleh guru ataupun pengamal pendidikan di mana-mana institusi, sama ada formal atau pun non-formal, kerajaan ataupun swasta dan juga bermanfaat kepada mereka yang terlibat sama dalam misi pembentukan KB murid.

1.6 Pengertian Tajuk

Untuk mencapai objektif kajian, penyelidik telah menggunakan pengertian tajuk seperti berikut dalam kajian ini.

1.6.1 *Malakah al-Fikr*

Terminologi *Malakah* telah ditonjolkan oleh Ibn Khaldun dalam karyanya *Muqaddimah* dan mempunyai pelbagai tafsiran yang luas oleh pengkaji sebelum ini.

Istilah “*Malakah*” dari aspek bahasa ialah ia merupakan kata terbitan bagi “*malaka*” yang dinisbahkan kepada Allah sebagai Raja pemilik sekalian alam⁷⁶. Manakala “*Malakah*” diertikan sebagai “dimilikinya”⁷⁷. Selain itu, “*Malakah*” juga mempunyai pengertian sebagai ‘*mauhibah*’ iaitu bakat ataupun sifat yang tertanam di dalam diri (⁷⁸ *صفة راسخة في النفس*). Manakala dalam bahasa Inggeris, ia diterjemahkan sebagai *faculty, talent, gift, aptitude, knack and (special ability)*⁷⁹.

Charles Issawi⁸⁰ menghuraikan *malakah* Ibnu Khaldun sebagai kemahiran melalui penulisannya:

Ibnu Khaldun's Psychology of Education is built on the notion of aptitude or skill (Malakah).

Hal ini berdasarkan penulisan Ibnu Khaldun seperti berikut:

*satu sifat yang sehati di dalam jiwa yang terhasil kerana sesuatu perbuatan dan pengulangan perbuatan tersebut dari masa ke semasa sehingga gambaran perbuatan tadi bersehati dengan jiwa pelaku*⁸¹.

Melalui petikan ini, Ibnu Khaldun mengaitkan istilah *malakah* dengan kemahiran yang mencakupi dua ciri penting iaitu pertama; sesuatu yang melibatkan aktiviti fizikal manusia dan kedua; sesuatu tindakan yang telah berubah menjadi tabiat atau kebiasaan yang sehati bagi seseorang hasil daripada proses latihan dan perbuatan

⁷⁶ Ibn Manẓūr, Jamal al-Din Muhammad bin Mukram. (2003). *Lisān al-‘Arab*. Beirut: Dār Sādir. Jil.10. h.491

⁷⁷ Ibn Manẓūr, Jamal al-Din Muhammad bin Mukram. (2003), *op.cit*, Jil.10. h.492

⁷⁸ Ibrahim Mustafa, et.al, (t.t.) *Al-Mu’jam al-Wasit*, Istanbul: Al-Maktabah al-Islamiyyah. h.886

⁷⁹ Baalbaki, R. (2003). *al-Mawrid*. Dar El-ilm Lilmalayin. h. 1106

⁸⁰ Charles Issawi. (1987). *An Arab Philosophy of History: Selection from the Prolegomena Of Ibnu Khaldun of Tunis (1332-1406)*, Princeton USA: The Darwin Press Inc. h.7

⁸¹ Ibn Khaldūn. (2014). *Al-Muqaddimah*. (Taḥqīq: Alī cAbd al-Wāḥid Wāfi). Jil.3. Kaherah: Maktabah Nahḍah Misr. h.1140. Lihat juga Ibnu Khaldun (2006). *Mukadimah Ibnu Khaldun*. cet.5 Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. h.805-806

berulang⁸². Hal ini menunjukkan bahawa kemahiran manusia berubah dan sebatu dalam jiwa manusia melalui proses latihan yang berulang-ulang.

Seterusnya, istilah *al-fikr* merupakan kalimah yang digunakan oleh Ibnu Khaldun dalam karyanya Muqaddimah, bab enam tentang kepentingan berfikir dalam diri manusia. *Al-fikr* dihuraikan sebagai aktiviti penggunaan akal atau minda dalam konteks untuk mengenal, memahami dan menyelesaikan sesuatu perkara logik dan rasional secara berhati-hati⁸³. Beliau juga mengemukakan konsep kemahiran berfikir sebagai panduan untuk merancang dan melaksanakan apa jua pekerjaan dalam kehidupan. Malah, konsep kemahiran berfikir yang dicadangkan itu adalah bersifat sistematik dan tersusun⁸⁴. Beliau turut memperkenalkan konsep berfikir secara mengundur⁸⁵. Hal ini dijelaskan dalam penulisannya:

Tahapan ini akan beroperasi secara unduran daripada satu prinsip(langkah) ke prinsip yang lain atau ia akan mencapai tahap akhirnya. Sekarang apabila seseorang telah mencapai prinsip terakhir dalam fikirannya samaada pada dua, tiga, atau lebih tahap, tindakan akan membawa buah pemikiran tersebut ke alam realiti. Maka dia akan memulakan tindakan dengan prinsip yang terakhir pada pemikirannya tadi. Oleh itu, dikatakan prinsip (langkah) yang terakhir ialah permulaan kepada tindakannya. Dia kemudiannya menuruti tahapan-tahapan sehingga ke elemen terakhir di dalam rangkaian sebab akibat yang menjadi titik mula aktiviti pemikirannya⁸⁶.

Beliau memberikan contoh yang mudah difahami iaitu jika seseorang ingin membuat bumbung, dia akan memulakan dengan mencari tapak untuk membina

⁸²Muhammad Uthman El-Muhammady (2008). Building the Human Capital in Malaysia in The Context of Malakah in Khaldunian Discourse, Seminar Pembangunan Insan di Malaysia, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. h.82

⁸³Ibn Manzūr, Jamal al-Din Muhammad bin Mukram. (2003). *op.cit,jil .5*. h. 65

⁸⁴Ibn Khaldūn. (2014), *op.cit*, h.917. Lihat juga Mohd Nizam Sahad (2009). Kemahiran Insaniah Menurut Ibn Khaldun Dalam Mukaddimah, *Prosiding SKIKS 2009*, Everly Resort Hotel, Melaka.437-445. h.441

⁸⁵ Ibn Khaldūn. (2014), *op.cit*, *Ibid.Ibn Khaldun (1995)*, *op.cit*, h.527

⁸⁶Ibn Khaldūn. (2014), *op.cit*, h 918.Lihat juga Ibnu Khaldun (2006), *op.cit*, h.527

dinding seterusnya membuat bumbung⁸⁷. Hasil pemikiran secara pengunduran akan membuahkan pekerjaan yang dikehendaki berdasarkan ungkapan "Permulaan sesuatu tindakan pada akhir kerja berfikir, dan permulaan sebuah pemikiran ialah pada akhir kerja tindakan⁸⁸".

Namun begitu, kajian ini hanya membataskan *Malakah al-Fikr* berasaskan kerangka perkembangan akal manusia yang bertahap menurut pemikiran Ibnu Khaldun yang menjana ilmu pengetahuan iaitu *Al- 'Aql al -Tamyīzī* (Akal Pembeza), *Al- 'Aql al-Tajribiy* (Akal Pengalaman), *Al- 'Aql al-Nazariy* (Akal Spekulatif), dan *Al- 'Aql al-Mazīd* (Akal Tambahan).

1.6.2 Amalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)

Definisi amalan menurut *Kamus Dewan*⁸⁹, amalan ialah sesuatu yang dilakukan, dilaksanakan, dikerjakan sebagai satu kebiasaan. Manakala, KBAT boleh diistilahkan sebagai kebolehan murid untuk mempraktikkan pengetahuan, kemahiran, nilai dan berdaya kreatif dalam penaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu⁹⁰. Dalam kajian ini, empat aras dalam KBAT akan diperincikan iaitu kemahiran mengaplikasi, kemahiran menganalisis, kemahiran menilai, dan kemahiran mencipta dalam amalan pengajaran GPI.

⁸⁷ *Ibid*

⁸⁸ *Ibid*

⁸⁹ Noresah Baharom et.al (2015). *Kamus Dewan Edisi Keempat*, cet.7, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. h.42

⁹⁰ Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *KBAT inisiatif Kemahiran Berfikir Aras Tinggi di sekolah*. h.2

1.6.3 Guru Pendidikan Islam

Guru Pendidikan Islam yang dikaji ialah guru –guru yang mempunyai kepakaran khusus dalam bidang Pendidikan Islam dan mengajar subjek Pendidikan Islam dalam KSSR di sekolah rendah. Guru–guru yang dipilih mempunyai pengalaman mengajar melebihi 5 tahun dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.

Pendidikan Islam dalam kajian ini adalah merujuk kepada matapelajaran Pendidikan Islam dalam KSSR. Mata pelajaran ini merupakan subjek teras sekolah rendah di Malaysia.

1.6.4 Pengajaran

Pengajaran didefinisikan sebagai perihal mengajar, segala sesuatu yang berkaitan dengan mengajar seperti cara atau sistem mengajar, aspek yang dipentingkan dan lain-lain⁹¹. Pengajaran juga merupakan satu proses tertentu yang dirancang dan dilaksanakan oleh guru di sekolah atau di luar dengan matlamat untuk menolong para pelajar mencapai objektif tertentu⁹². Menurut Mock Soon Sang⁹³, pengajaran adalah aktiviti atau yang berkaitan dengan proses penyampaian kemahiran, ilmu pengetahuan, sikap dan nilai-nilai. Menurut Hasan Husayn Zaytun pula, pengajaran merupakan satu cara pemindahan ilmu pengetahuan atau kemahiran daripada guru kepada pelajar dengan tujuan untuk mencapai objektif mengikut langkah-langkah tertentu⁹⁴.

⁹¹ Noresah Baharom et.al (2015). *op.cit.* h.21

⁹² Imām Mukhtār Hamidat et al (2003). *Mahārāt al-Tadrīs*. Kaherah: Maktabat Zahra' al-Sharq,h.43

⁹³ Mok Soon Sang. (2003). *Ilmu Pendidikan Untuk KPLI (Sekolah Rendah: Komponen 1 & 2) Psikologi Pendidikan & Pedagogi*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd. h.290

⁹⁴ Hasan Husayn Zaytūn (2001). *Mahārāt al-Tadrīs Ru'yah fī Tanfidh al-Tadrīs*. Kaherah: 'Ālam al-Kutub. h.7

Pengajaran boleh disimpulkan sebagai satu cara untuk memperlengkapkan pelajar dengan melibatkan diri dalam proses pembelajaran dan perkembangan sepanjang hayat, menghormati kanak-kanak dan remaja-remaja, berkongsi pengetahuan, membimbing, mengarah, memudahcara, mengasuh dan merancang, menentukan matlamat untuk diri dan pelajarinya, menghadapi cabaran-cabaran peribadi dan profesional, menyalurkan budaya dan nilai nasional kepada orang ramai.

1.6.5 Ibnu Khaldun

Nama penuhnya ialah Abd al Rahman bin Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin al Hassan bin Muhammad bin Jabir bin Muhammad bin Ibrahim bin Abd Rahman bin Khaldun⁹⁵. Ibnu Khaldun dilahirkan di Tunisia pada bulan Ramadhan 732H/1332M. Beliau dikenali dengan nama Ibnu Khaldun diambil daripada nama datuknya iaitu Khalid bin Usman yang dikenali sebagai Khaldun dan keluarga dipopularkan sebagai gelaran Bani Khaldun⁹⁶. Manakala gelaran intelektualnya ialah Wali al Din, merujuk kepada jasa-jasa dan peranan beliau ketika memegang jawatan di Jabatan Kehakiman Mesir⁹⁷ dan digelar sebagai "Guardian of the Religion"⁹⁸.

Karya Ibnu Khaldun⁹⁹ yang terkenal ialah *Kitāb al-'Ibar wa Diwān al Muḩtadā wa al Khabar fī Ayyām al-'Arab wa al-'Ajam wa al-Barbar wa Man Āthārahū min Zaw al-Sulṯān al-Akbar* (Buku kemajuan bangsa Arab, Ajam, Barbar dan orang-orang yang sezaman dengan yang memiliki kekuasaan besar), *Muqaddimah Ibn Khaldun* (Pendahuluan Ibn Khaldun), *Al-Ta'rīf bi Ibnu Khaldun wa Riḩlah al-Gharban wa*

⁹⁵ Shahrul Riza (2008), *op.cit*, h.90 ..Lihat juga Mohd Nasir Omar & Muda @ Ismail Ab.Rahman (2015). *falsafah ibnu khaldun*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.h.2

⁹⁶ Abdullah Al amin Al Naimy (1994). *op.cit*.h.10

⁹⁷Che Zarrina Saari & Mohd Kamil Abd Majid (2015). Epistemologi Islam Menurut Ibn Khaldun. *Jurnal Usuluddin*, 12(12) .h.74

⁹⁸ *Ibid*

⁹⁹ Che Zarrina Saari & Mohd Kamil Abd Majid (2015). *Ibid*

Syarqan (Pengenalan tentang Ibn Khaldun dan perjalanannya ke Barat dan Timur), *Burdah al-Bushairī*, *Lubab al-Muḥaṣṣal fī Uṣūl al-dīn* dan *Syifṣ' al-Sail fī Taḥzīb al-Masā'il*. Ibnu Khaldun terkenal dengan kegeniusan yang tiada tandingan antara pemikir Islam kerana karyanya *Muqaddimah* membahaskan pelbagai disiplin ilmu seperti ilmu falsafah, ilmu sejarah, ilmu ekonomi, ilmu politik, tasawwuf, ilmu pendidikan dan psikologi. Ibn Khaldun merupakan seorang sarjana yang versatile iaitu sarjana yang memiliki pelbagai bakat kebolehan dalam pelbagai disiplin ilmu¹⁰⁰.

Berdasarkan sumbangannya dalam ilmu pendidikan, penyelidik memilih konsep *Malakah*, konsep *tadarruj* dan konsep perkembangan kognitif manusia yang ditonjolkan oleh Ibn Khaldun dalam karyanya *Muqaddimah* sebagai asas untuk melihat *Malakah al-Fikr* menurut pemikiran Ibnu Khaldun melalui amalan KBAT GPI dalam PdP di kelas. Objektif Pendidikan Islam adalah untuk membentuk dan mendidik pemikiran Muslim yang berilmu, beriman, kompeten, beramal soleh dan berakhlak mulia yang berlandaskan al-Quran dan as-Sunnah¹⁰¹.

1.6.5(a) Justifikasi Pemilihan Ibn Khaldun

Ramai tokoh-tokoh Islam membincangkan tentang akal manusia seperti al-Farabi, al Kindi, Al Ghazali dalam karya penulisan mereka. Namun, dalam kajian ini, penyelidik memilih konsep perkembangan akal menurut pemikiran Ibn Khaldun untuk dikaji dalam amalan KBAT Guru Pendidikan Islam sekolah rendah. Penyelidik memilih konsep perkembangan akal manusia dan konsep *malakah* yang ditonjolkan

¹⁰⁰ Yusri Mohamad Ramli. (2015). Pandangan Sarjana terhadap Nuansa Pemikiran Ibnu Khaldun. Dlm. Ahmad Sunawari Long (Pnyt.). Falsafah Ibnu Khaldun. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia. h.13

¹⁰¹ Bahagian Pembangunan Kurikulum (2011). *Dokumen Standard Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Islam Tahun 5*. Bahagian Pembangunan Kurikulum: Putrajaya